

## **Pakej Mikro Kredit Berdasarkan Skim Ar Rahnū Di Malaysia**

Azlin Alisa Ahmad

Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani

### **Abstrak**

Kemunculan pakej mikro kredit berdasarkan skim pajak gadai Islam (Ar Rahnū) di Malaysia sejak hampir tiga dekad yang lalu telah membawa perubahan kepada industri pajak gadai yang selama ini dimonopoli oleh konvensional. Pakej mikro kredit berasaskan ar-rahnu juga diperkenalkan bagi membolehkan masyarakat mendapatkan wang dengan segera dan mudah tanpa melibatkan diri dengan unsur riba dalam transaksi gadaian. Kajian ini akan membincangkan tentang bentuk-bentuk pakej mikro kredit dan kaedah perlaksanaannya berasaskan skim ar-rahnu. Hasil kajian mendapati bahawa pakej mikro kredit berasaskan skim ar-rahnu dapat membantu golongan masyarakat terutamanya golongan usahawan kecil sebagai sumber modal kepada perniagaan runcit. Ini kerana sistem ini bersifat kebajikan yang membantu golongan yang memerlukan wang tunai dengan cepat dan mudah.

**Kata kunci:** Pakej Mikro Kredit, Skim ar-rahnu

### **Pengenalan**

Sistem pajak gadai Islam ar-rahnu ditubuhkan atas dasar fardhu kifayah dan bukan dasar keuntungan semata-mata. Penubuhan ar-rahnu juga merupakan rentetan daripada pelaksanaan syariah dalam sistem perbankan pada awal 1983. Tujuan pelaksanaan skim ar-rahnu adalah untuk menghapuskan amalan riba yang mana selama ini penggadai diwajibkan membayar pinjaman serta faedah yang tinggi oleh pengusaha kedai pajak gadai secara konvensional (Yura Nurhayati & Rujaidah 2011). Ini kerana, skim ar-rahnu memberikan kemudahan alternatif kepada kemudahan pinjaman yang sedia ada di samping memberi pilihan kepada peminjam untuk menuruti kehendak dan dalam amsa yang sama tidak melanggar hukum syarak.

Pakej mikro kredit berdasarkan skim pajak gadai Islam (ar - rahnu) telah banyak ditawarkan di institusi-institusi kerajaan mahupun swasta dan mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai bagi mendapatkan perkhidmatan mudah tunai. Skim ar rahnu mula muncul di negara Malaysia sejak hampir tiga dekad yang lalu telah membawa perubahan kepada industri pajak gadai yang selama ini dimonopoli oleh pajak gadai konvensional.

### **Perkembangan Skim ar-Rahnū**

Meskipun Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang memiliki kestabilan politik serta dapat mengekalkan momentum pertumbuhan ekonominya, namun tidak dinafikan terdapat segelintir masyarakat yang berada dalam kesempitan hidup dan kewangan disebabkan status sosio-ekonomi individu yang memberi impak ke atas keupayaan isi rumah memperoleh pendapatan. Berasaskan kriteria tersebut, maka sukar bagi sektor kewangan formal untuk memberikan pinjaman kewangan sekiranya mereka memerlukan wang tunai segera. Status sosio ekonomi

individu atau isi rumah mempengaruhi keupayaan mendapatkan pembiayaan daripada sektor kewangan formal. Sehubungan itu, golongan berkenaan cenderung untuk memilih pembiayaan pajak gadai berbanding sumber pembiayaan lain misalnya pinjaman dari keluarga, rakan, bank, pemberi pinjam wang dan lain-lain.

Ar-rahnu di Malaysia telah bermula dengan penubuhan Muassasah Gadaian Islam di Terengganu pada tahun 1992. Pada 21 Ogos 1993, Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa skim ar-Rahnu akan dilaksanakan oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). Melalui skim ini, Bank Negara Malaysia bertindak sebagai penasihat dan menyediakan pakar di dalam bidang ini, YaPEIM bertindak sebagai pelabur dan Bank Rakyat pula menyediakan infrastruktur bagi menjalankan transaksi gadaian Islam. Fasa pertama skim Ar-Rahnu dilancarkan pada 21 Oktober 1993 oleh Bank Rakyat dan merupakan koperasi pertama di Malaysia yang menawarkan skim ini. Memandangkan sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai, YaPEIM kemudiannya meneruskan fasa seterusnya melalui kerjasama dengan Bank Islam Malaysia Berhad pada November 1997 dan seterusnya dengan Bank Pertanian Malaysia (Agro Bank) pada Ogos 2002.

YaPEIM juga menawarkan skim ini yang dikenali sebagai Ar-Rahnu YaPEIM bermula pada 2 Oktober 2000. Bilangan sistem pajak gadai Islam ini semakin bertambah apabila pihak RHB Bank, Bank Muamalat dan POS Malaysia turut sama menawarkan sistem ini kepada orang ramai. Sehingga tahun 2014, cawangan bank atau bukan bank yang menawarkan pembiayaan pajak gadai Islam telah menjangkau sebanyak 570 buah berbanding hanya 378 pemegang pajak gadai yang menawarkan pinjaman pajak gadai konvensional. Bilangan institusi pajak gadai Islam dijangka akan meningkat dari tahun ke tahun mendatang. Antara faktor yang menyumbang kepada perkembangan yang positif ini adalah disebabkan skim pembiayaan pajak gadai Islam adalah berlandaskan syariah, bebas daripada amalan riba', gharar, proses yang telus serta penerapan nilai amanah dan adil kepada kedua-dua pihak iaitu pemegang pajak gadai dan peminjam. Sejak skim ar-rahnu diperkenalkan oleh YaPEIM pada tahun 1993, lebih 4.3 juta rakyat negara ini mendapat manfaat daripada Program Mikro Kredit Ar Rahnu terutamanya wanita dan peniaga kecil bagi mendapatkan modal perniagaan atau pinjaman dengan kaedah yang lebih langsung (YaPEIM t.th). Pakej mikro kredit berdasarkan skim ar-rahnu mempunyai pelbagai manfaat serta mampu memberi kemudahan kepada usahawan-usahawan kecil dan orang yang kurang berada bagi mendapatkan pulangan tunai yang cepat dan mudah.

Pajak gadai Institusi Ar-Rahnu merupakan pengantara kewangan bukan bank yang memberi sumbangan besar dalam mikro kredit di Malaysia. Dalam konteks sosio-ekonomi, skim ini memberi bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman jangka sederhana dan secara mikro yang biasanya tidak disediakan oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan. Dalam masa yang sama, ia merupakan potensi terbesar kepada perbankan Islam untuk menawarkan pinjaman secara mikro kepada golongan 'terpinggir' (untapped customer) (Asyraf Wajdi 2008).

Walaupun sistem pajak gadai konvensional telah bertapak untuk sekian lamanya dan menguasai hampir sebahagian besar industri ini, namun kemunculan sistem pajak gadai Islam telah mula mendapat sambutan daripada masyarakat, di mana masyarakat seakan sedar akan kelebihan dan keistimewaan skim gadaian Islam ini. Selain itu, skim ini juga telah banyak

ditawarkan di industri perbankan seperti di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Bank Rakyat, AgroBank dan Bank Muamalat. Terkini, pejabat pos di seluruh Malaysia juga turut menawarkan perkhidmatan ar-rahnu (Anon 2014). Setelah lebih 20 tahun pelaksanaannya di Malaysia, ar-rahnu menjadi instrumen penting dalam pembangunan ekonomi negara kerana kebanyakan masyarakat yang memilih skim ar-rahnu tidak mempunyai kelayakan menerima pembiayaan daripada bank-bank Islam dalam masa yang singkat dan cepat (Azizah Othman 2014).

### **Kelebihan Skim Ar-Rahnu Dari Aspek Mikro Kredit**

Secara umumnya, mikro kredit merujuk kepada penawaran pinjaman yang sangat kecil (pinjaman mikro) kepada golongan miskin yang biasanya kekurangan cagaran, pekerjaan yang stabil dan sejarah kredit yang sah. Jadi, mikro kredit membolehkan orang miskin atau sesiapa sahaja yang mempunyai status kewangan yang rendah membuat pembiayaan mikro kredit demi meningkatkan status kewangan mereka.

Program mikro kredit merupakan satu program yang dirangka khusus untuk membantu mereka yang tidak layak mendapat pinjaman atau pembiayaan daripada bank. Mikro kredit ini adalah cabang kepada pinjaman secara kecil-kecilan kepada penduduk miskin yang diwujudkan untuk mengalakkan mereka terlibat dalam bidang keusahawanan. Mereka ini tidak mempunyai apa-apa jaminan atau cagaran, tidak mempunyai pekerjaan yang tetap dan mempunyai rekod pinjaman yang 'kurang memuaskan' dengan bank menyebabkan mereka tidak layak untuk membuat sebarang pinjaman secara tradisional dengan bank. Program ini banyak membantu mengembangkan lagi pertumbuhan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) (Abibullah Haji Samsudin 2014).

Selain berfaedah membantu golongan yang berpendapatan rendah atau miskin untuk meneruskan kelangsungan hidup, skim ar-rahnu ini juga mampu dilihat sebagai suatu mekanisma dakwah yang amat berkesan dalam usaha menarik minat non-muslim mengenali sistem muamalat Islam (YaPEIM t.th).

Skim ar-rahnu mampu dijadikan sebagai satu daripada skim mikro kredit yang boleh memberi jaminan kepada sama ada peminjam wang atau mereka yang meminjam wang (Abibullah Haji Samsudin 2002). Skim ar-rahnu juga telah berjaya membantu memantap dan mengukuhkan usahawan-usahawan kecil di Negara-negara Anggota Persidangan Sekretariat Ar Rahnu Serantau iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei dan Thailand untuk menjalankan perniagaannya. Dengan adanya modal yang diperolehi daripada skim ar rahnu, usahawan-usahawan kecil boleh meningkatkan pengeluarannya selain dapat mengembangkan perniagaan mereka kerana usahawan-usahawan ini akan menjadi sumber baru yang dapat menjanakan peluang pekerjaan (Abibullah Haji Samsudin 2010).

Selain itu juga, skim ar-rahnu mampu dijadikan sebagai satu daripada skim mikro kredit ar-rahnu 'market ring' yang boleh memberi jaminan kepada peminjam wang atau mereka yang meminjam wang (Abibullah Hj Samsudin 2002). Objektif penubuhan skim ar rahnu ialah untuk menyediakan kemudahan mikro kredit secara mudah dan cepat tanpa mengenakan sebarang faedah kepada masyarakat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah sebagai permulaan

modal perniagaan secara kecil-kecilan dan lain-lain aktiviti yang produktif (M. Hasbi Zaenal 2010).

Selain itu, pelaksanaannya memberi alternatif kepada masyarakat dalam memenuhi keperluan tunai secara cepat dan bersifat sementara melalui transaksi gadaian yang berlandaskan prinsip fiqh Islam. Menerusi skim ini, hanya upah simpan dikenakan bagi barang kemas yang digadai yang jumlahnya lebih rendah berbanding dengan kadar faedah oleh pajak gadai konvensional (Azila et. Al 2014).

Pakej mikro kredit yang ditawarkan dalam skim ar-rahnu mempunyai pelbagai keistimewaan dalam membantu golongan masyarakat terutamanya mereka yang memerlukan wang tunai atau modal dengan cepat dan mudah. Dapat dikatakan bahawa keistimewaan skim ar-rahnu dalam aspek mikro kredit ialah:

- I. Sebagai instrumen kewangan- Satu produk kewangan yang membuka ruang perniagaan kepada pengusaha yang berminat.
- II. Sebagai Sumber Modal Kepada Peniaga Runcit- Satu mekanisme pemberian kredit yang cepat dan pantas (tanpa karenah birokrasi).
- III. Sebagai Sumber Bagi Membiayai Keperluan Pendidikan- Khusus untuk membiayai persekolah, pengajian IPT, kemudatan dan pelaburan.
- IV. Untuk Melaksanakan Kebajikan- Dapat memenuhi keperluan mendesak golongan yang berpendapatan rendah & membebaskan mereka daripada skim-skim mikro kredit yang bertentangan dengan syarak.

### **Ar- Rahnu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)**

Model Ar Rahnu YaPEIM bermula pada 2 Oktober 2002 melalui penubuhan Koperasi YaPEIM dengan matlamat untuk membantu masyarakat setempat melalui kemudahan mikro kredit ar rahnu. Tujuan penubuhan koperasi ini antara lainnya adalah bagi membolehkan YaPEIM menjalankan sistem ar rahnu tanpa tertakluk kepada Akta Pajak Gadai 1972 yang memberikan pengecualian kepada koperasi melalui seksyen 46. Sebagaimana koperasi lain, koperasi YaPEIM telah didaftarkan di bawah seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Akta Koperasi 1993 serta tertakluk segala peraturan di bawahnya. Sehingga kini, YaPEIM telah berjaya mengembangkan cawangan Ar Rahnu kepada 202 cawangan di seluruh Malaysia (Asiah & Salmy t.th).

Program ar rahnu dalam konteks YaPEIM bukan sahaja menyediakan kemudahan mikro kredit, malah ia juga sebagai satu program Community Capacity Building dalam kerangka membangun sosioekonomi ummah dan memastikan wujudnya Komuniti yang Lestari. Penawaran perkhidmatan ini akan menjadikan YaPEIM ke arah menjayakan Gagasan 1 Malaysia seperti yang digagaskan oleh Y.A.B Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dalam pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009 telah mengatakan bahawa "Program mikro kredit Ar-Rahnu merupakan satu instrumen penting dalam membantu golongan yang tidak layak mendapat pembiayaan dari institusi kewangan memperolehi modal perniagaan dengan mudah dan cepat. Program yang menggunakan emas sebagai cagaran telah mendapat sambutan menggalakkan dari semua kalangan rakyat Malaysia" (Parihah Hassan 2014).

## **Keistimewaan Produk dan Perkhidmatan Ar-Rahnu YaPEIM**

### **a. Mewujudkan Kelab Maya Sahabat Ar-Rahnu (Kelab MASA) dan Kadar Upah Simpan Rendah E-Kasih**

Polisi Ar-Rahnu YaPEIM adalah menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat sesuai dengan matlamat kewujudannya. Oleh itu, YaPEIM telah membantu mereka yang rata-ratanya bergadai untuk tujuan perniagaan dengan menghimpunkan mereka dalam Kelab 31 Masa (Asiah & Salmy t.th). Peggadai yang layak akan menerima manfaat daripada latihan dan bimbingan yang digerakkan oleh pusat keusahawanan YaPEIM atau dipanggil YaPEIM Entrepreneur Centre (YEC). Antara program yang diberikan adalah program pembangunan komuniti, program latihan dan bimbingan usahawan (Teori), mempertingkatkan latihan kemahiran (praktikal) program lawatan sambil belajar dan program pemasaran produk dan perkhidmatan (Mokhtar Abdul Razak 2014). Selain itu peggadai mendapat sokongan bantuan & insentif seperti Skim Sahabat Emas (pembiayaan 100% ar-rahnu), sokongan bantuan berasaskan projek PERKASA dan anugerah tokoh sahabat ar-rahnu.

Selain itu, peggadai yang berpendapatan di bawah garis kemiskinan negara dan berdaftar dalam pangkalan Data e-Kasih akan ditawarkan kadar khas iaitu kos upah simpan yang rendah, iaitu hanya RM0.10.

### **Pelaksanaan Operasi Ar-Rahnu YaPEIM**

Kriteria barang gadaian yang boleh diterima adalah barangan emas yang mempunyai mutu dan kandungan emas yang disenaraikan seperti 42.0 karat, 22.8 karat, 22.0 karat, 21.0 karat dan 18.0 karat (YaPEIM 2016). Had dan margin pinjaman pula ialah pinjaman terkumpul tidak boleh melebihi RM25,000.00 pada satu-satu masa dan jumlah ini tidak termasuk upah simpan. Manakala jumlah maksimum pinjaman bagi setiap gadaian ialah sehingga atau tidak melebihi 65% daripada nilai marhun barang gadaian berkenaan.

Upah simpan pula dikira berdasarkan nilai marhun dan tempoh bilangan bulan gadaian sehingga barang gadaian ditebus atau dijual (dilelong). Kadar upah simpan adalah seperti di bawah:

Bil	NILAI MARHUN (RM)	UPAH SIMPAN (RM)
1	Kadar khas	0.10
2	720.00 dan ke bawah	0.50
3	721.00 -2,000.00	0.65
4	2,001.00 dan ke atas	0.75

Sumber: Brosur ar-rahnu YaPeim ([http://www.yapeim.net.my/wp-content/uploads/2012/09/Brosur\\_ArRahnu.pdf](http://www.yapeim.net.my/wp-content/uploads/2012/09/Brosur_ArRahnu.pdf))

### **Pos Ar-Rahnu**

Pos Malaysia merupakan sebuah syarikat yang pernah diletakkan di bawah seliaan kerajaan sebelum menjadi sebuah GLC pada tahun 1992 dan akhirnya bertukar kepada sebuah institusi

korporat pada tahun 2010. DRB Hicom merupakan pemegang saham terbesar bagi Pos Malaysia walaupun kerajaan masih memegang saham utama (golden share) (Asiah & Salmi Edawati t.th.)

Matlamat kewujudan aktiviti ar rahu oleh Pos Malaysia adalah memberi perkhidmatan yang tidak membebankan rakyat dengan menawarkan kemudahan kredit mikro alternatif kepada orang ramai dan usahawan kecil yang mungkin menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan daripada bank (<http://www.sinarharian.com.my>).

## **Keistimewaan Produk Pos Ar-Rahnu**

### **a. Menjadikan harga emas mentah sebagai penentu harga emas**

Antara perkhidmatan yang diberikan oleh Pos Ar Rahnu adalah menawarkan harga emas berdasarkan harga emas mentah sebagai penentu harga emas harian. Ini bermakna harga emas semasa yang digunakan dalam Pos Ar Rahnu adalah lebih rendah berbanding harga emas yang mempunyai factors iaitu selepas mengambil kira tambahan harga. Pos Ar Rahnu juga turut menawarkan margin pinjaman yang tinggi iaitu sebanyak 75 peratus daripada nilai marhun yang memberi nilai pinjaman lebih kepada pelanggan.

Oleh yang demikian, pelanggan akan mendapat caj upah simpan harian yang lebih rendah kerana upah simpan diperoleh berdasarkan harga emas mentah dan dalam masa yang sama memberikan margin pinjaman yang tinggi iaitu 75% daripada nilai marhun. Selain itu, Pos Ar Rahnu membenarkan pelanjutan transaksi gadaian untuk tempoh 6 bulan selanjutnya dan ini menjadikan tempoh gadaian berjalan selama setahun maksimum (Khairul Nizan 2016).

## **Perlaksanaan Operasi Di Pos Ar-Rahnu**

### **a. Kriteria barang gadaian**

Ar-rahnu Pos menawarkan perkhidmatan pajak emas seperti barang kemas, jongkong emas Public Gold, dinar emas Public Gold, jongkong emas PAMP Suisse dan perkhidmatan mencuci barang kemas. Pada November 2015, Pos Ar-Rahnu telah melancarkan perkhidmatan terbaru iaitu perkhidmatan menjual jongkong emas serta dinar emas Public Gold, membeli balik jongkong emas serta dinar emas Public Gold dan membeli emas lama serta emas terpakai dengan harga yang tertinggi di pasaran (Mohd Shukrie 2015).

### **b. Had dan margin pinjaman**

Pos Ar-Rahnu menawarkan margin pinjaman tinggi sehingga 75 peratus daripada nilai marhun.

### **c. Upah simpan**

Upah simpan yang dikenakan berpatutan iaitu 85% dari nilai marhum atau RM0.85 bagi setiap RM100 nilai marhum emas. Contoh pengiraan upah simpan,  
Nilai Marhum Emas X 0.85 = Upah simpan bulanan

#### **d. Tempoh gadaian**

Tempoh pinjaman yang panjang dan fleksibel iaitu 6 bulan + 6 bulan. Tempoh pajakan emas standard ialah 6 bulan dan lanjutan tempoh 6 bulan apabila pelanggan menyelesaikan tunggakan upah simpan 6 bulan standard (Mohd Zaidi 2016).

#### **Bank Rakyat**

Di Bank Rakyat, skim Ar Rahnu dijadikan sebagai salah satu produk perbankan. Masyarakat umumnya mengetahui bahawa skim ar rahnu ini ditawarkan di setiap cawangan Bank Rakyat. Bank Rakyat berusaha memperkenalkan Ar Rahnu sebagai satu produk perbankan dengan tujuan mengikis pandangan masyarakat terhadap urusan pajak gadai yang terkenal di kalangan golongan yang berpendapatan rendah (Muhammad Saiful Islami et. Al 2010). Usaha membawa perkhidmatan pajak gadai yang selama ini dijalankan di kedai-kedai pajak gadai ke dalam bangunan dan pengurusan bank adalah satu langkah yang sangat baik dalam usaha memantapkan sistem kewangan Islam di Malaysia (Ab. Mumin 1999).

Sejak skim pajak gadai Islam ar rahnu ini diperkenalkan, sambutan masyarakat terhadapnya sangat menggalakkan melebihi jangkaan pihak pengurusan Bank Rakyat sendiri. Skim ar rahnu bukan sahaja mendapat sambutan daripada orang Melayu, bahkan golongan bukan Islam juga turut menggunakan perkhidmatan ini. Sehingga kini, seluruh cawangan Bank Rakyat di seluruh negara telahpun menawarkan skim ar rahnu dalam usaha memberikan kemudahan kepada masyarakat khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Skim ar-rahnu di bank rakyat juga popular di kalangan masyarakat kerana ia merupakan cara pinjaman yang mudah tanpa memerlukan pelanggan mengisi pelbagai jenis borang dan menyerahkan pelbagai jenis dokumen sebagai memenuhi syarat untuk memohon pembiayaan (Salawati 2008).

Bank Rakyat telah memperkenalkan produk az-zahab yang berkonsepkan ar-rahnu bertujuan untuk memberi manfaat kepada pembangunan peniaga-peniaga kecil yang memerlukan modal pusingan dengan segera dan dalam jumlah yang besar. Produk az-zahab yang dilaksanakan di Bank Rakyat lebih sesuai diperkenalkan sebagai instrument untuk membantu peniaga-peniaga kecil kerana pinjaman akan diperolehi dalam masa yang singkat, jumlahnya sehingga RM 50,000 tertakluk kepada nilai barang yang dicagar dan boleh dibayar secara ansuran sehingga tempoh tiga bulan (Mohd Sharif 2014).

#### **Perlaksanaan Operasi Ar-Rahnu Bank Rakyat (Pajak Gadai-i az-Zahab)**

##### **a. Kriteria barang gadaian**

Dalam amalan pajak gadai Islam di Bank Rakyat, pihak bank mensyaratkan barang gadaian mestilah barangan emas yang dimiliki sendiri atau milik pasangan. Batu-batu permata berharga yang menghiasi barang kemas tidak akan diambil kira (Muhammad Saiful Islami et. al 2010). Selain itu, semua barangan jenis kemas/emas boleh digadai kecuali barang gadaian yang mempunyai batu dan berbentuk patung keagamaan atau makhluk hidup. Jongkong, wafer, syiling atau ketulan emas dengan syarat mempunyai Resit Pembelian atau Sijil Ketulenan. Bank rakyat juga mensyaratkan bahawa barangan emas yang dihadiahkan oleh majikan kepada pekerja yang

hendak digadai mesti mengemukakan dokumen sijil penghargaan, mutu emas antara 22 hingga 24 karat dan berat tidak melebihi 300 gram (<http://www.bankrakyat.com.my/az-zahab->)

### **b. Upah Simpan**

Upah simpan skim ar rahnun yang dikenakan oleh Bank Rakyat ini sebenarnya jauh lebih murah berbanding kadar faedah yang dikenakan pajak gadai konvensional (Muhammad Saiful Islami et. al 2010). Upah simpan ini dikira berdasarkan nilai marhun dan tempoh bilangan bulan gadaian ditebus. Kadar upah simpan minimum bersamaan dengan kadar setengah bulan akan dikenakan ke atas barang gadaian yang ditebus bagi tempoh yang kurang daripada 15 hari.

### **c. Tempoh gadaian**

Tempoh maksimum gadaian ialah enam bulan. Jika penggadai tidak dapat menebus barang gadaian dalam tempoh tersebut, maka tempoh lanjutan dua bulan akan diberikan. Penggadai akan diberi tempoh lanjutan dua bulan lagi untuk kali terakhir jika masih gagal menebus barang gadaian. Oleh hal yang demikian, tempoh maksimum pinjaman pajak gadai ar rahnun setelah dicampur dengan tempoh lanjutan ialah selama sepuluh bulan.

Bank Rakyat memberikan dua kali tempoh lanjutan dengan tujuan untuk membantu penggadai yang terdiri daripada golongan yang benar-benar susah dan berpendapatan rendah. Bagi penggadai yang tidak dapat menebus barang gadaian dalam masa yang ditetapkan, maka pihak bank akan melelong barang kemas tersebut. Sekiranya selepas lelongan terdapat lebihan atau kekurangan harga jualan setelah ditolak jumlah pinjaman, upah simpan dan kos-kos lain, penggadai akan dimaklumkan untuk menjelaskan kekurangan atau mengambil lebihan tersebut (Muhammad Saiful Islami 2006).

## **Kesimpulan**

Skim ar-rahnu telah menjadi satu mekanisma mikro kredit yang amat penting pada masa sekarang kepada golongan berpendapatan rendah dalam memenuhi keperluan segera mereka bagi menjayakan projek ekonomi dan perniagaan serta keperluan pendidikan anak-anak. Seterusnya ia turut memenuhi jurang penawaran dari segi perkhidmatan kewangan dan menjadi satu alternatif terpenting sebagai alat kewangan secara Islam dalam transaksi berkaitan pajak gadai. Ar-Rahnu juga membantu menangani isu-isu sistem pajak gadai konvensional yang mengenakan kadar faedah yang tinggi dan membebankan, disamping menghapuskan serta mengurangkan perkhidmatan kewangan tidak formal oleh ceti haram dan isu 'along' yang menyalahi undang-undang dan tidak selaras dengan kehendak moral.

Dapat disimpulkan juga bahawa antara kekuatan yang menjadikan Program Mikro Kredit Ar Rahnun ini menjadi pilihan dan diminati oleh kumpulan sasaran yang terlibat adalah disebabkan program ini menawarkan perkhidmatan berasaskan elemen berikut :

- i. Caj upah simpan yang relatifnya sangat rendah.
- ii. Perkhidmatan ini dilaksanakan berdasarkan prinsip Syariah.
- iii. Tempoh pulangan modal yang singkat.



- iv. Proses yang ringkas dan cekap.
- v. Pulangan yang tinggi.
- vi. Struktur pelaksanaan ringkas.
- vii. Kadar hutang tidak berbayar yang rendah & mudah dikendalikan.
- viii. Lebihan tunai dari lelong diberikan kepada pelanggan.

## Rujukan

- Ab. Mumin Ab. Ghani.1999. *Sistem kewangan Islam dan pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abibullah Hj Samsudin. 2002. Skim Ar Rahnū : Satu Model Mikro Kredit Di Malaysia”, kertaskajian yang dibentangan dalam Konvensyen Ar Rahnū Serantau 2002. bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra : Kuala Lumpur pada 28 Oktober 2002.
- Abibullah Haji Samsudin.2014. *Merintis Inovasi, Memperkukuh Perkhidmatan, Memantap Kelestarian Ummah*. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).
- Anon. 2014. *Ar-Rahnū di Pejabat Pos Malaysia*.
- Asiah Alkharib Shah; Salmy Edawati Yaacob. T.thn. *Skim Ar-Rahnū Koperasi: Kajian Perbandingan Antara Ar-rahnu YaPEIM dan Pos Ar-Rahnū Malaysia*. UKM.
- Asyraf Wajdi Dusuki. 2008. *Banking for the poor: the role of Islamic banking in microfinance initiatives*. *Humannomics* Vol. 24 (1): 49–66.
- Azila Abdul Razak; Fidlizan Muhammad; Mohd Yahya Mohd Hussin; Fatimah Salwa Abdul Hadi. 2014a. *Kemampuan dan Daya Saing Pajak Gadai Islam di Malaysia: Perspektif Perintis*. *IJMS* 21(2), Hlm; 111-134.
- Azila Abdul Razak; Fidlizan Muhammad; Mohd Yahya Mohd Hussin; Nurhanie Mahjom. 2014b. *Kemampuan dan Daya Saing Pajak Gadai Islam di Malaysia*. Prosiding Perkem ke-9 Hlm; 551-560.
- Azizah Othman. 2014. *Perkembangan Al-Rahnū Dalam Institusi Perbankan: Kajian Terhadap Operasi dan Prestasi al-Rahnū Bank Rakyat*. [https://www.researchgate.net/publication/273382898\\_PERKEMBANGAN\\_ALRAHNU\\_DALAM\\_INSTITUSI\\_PERBANKAN\\_KAJIAN\\_TERHADAP\\_OPERASI\\_DAN\\_PRESTASI\\_AL-RAHNU\\_BANK\\_RAKYAT](https://www.researchgate.net/publication/273382898_PERKEMBANGAN_ALRAHNU_DALAM_INSTITUSI_PERBANKAN_KAJIAN_TERHADAP_OPERASI_DAN_PRESTASI_AL-RAHNU_BANK_RAKYAT) [akses Apr 05 2018].
- Khairul Nizan Che Nik. 2016. *Cabaran bagi industri Ar Rahnū*. *Pos Malaysia*, Kuala Lumpur.
- <http://www.sinarharian.com.my/bisnes/pos-malaysia-tawar-pajak-gadai-islam-1.61448>. Pos Malaysia tawar pajak gadai Islam.

- M. Hasbi Zaenal. 2010. *Faktor Penerimaan Pelanggan Terhadap Skim Ar-Rahnu di Kedai Ar-Rahnu, Bank Rakyat, Alor Setar, Kedah.*
- Mohd Sharif Baharuddin. 2014. *Skim Ar-Rahnu: Ke Arah Pengukuhan Kerjasama Serantau.* Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.
- Mohd Shukrie Mohd Salleh. 2015. *Pos Ar-Rahnu Biaya RM 1 Billion Perniagaan Ar-Rahnu.* M Star Online.
- Mohd Zaidi Junus. 2016. *Panduan Gadai Emas di Ar-Rahnu Pos Malaysia*
- Mokhtar Abdul Razak. 2014. *Pakej Mikro Kredit Berasaskan Ar-Rahnu.* Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).
- Muhammad Saiful Islami b. Mohd Taher. (2006). *Penerimaan pelanggan terhadap skim pajak gadai Islam Ar Rahnu: Kajian di kedai Ar Rahnu Bank Rakyat Alor Setar, Kedah.*
- Muhammad Saiful Islami Mohd Taher; Siti Aisyah Yusof; Norridzwan Abidin. 2010. *Prinsip Al-Rahnu Sebagai Asas Pelaksanaan Skim Pajak Gadai di Malaysia.* Voice of Academic Vol.5 No.1.
- Parihah Hassan. 2014. *Sumbangan Ar-Rahnu dalam Membangun Usahawan Kecil di Negara-negara Serantau pengalaman Malaysia: Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia.*
- Portal Rasmi Bank Rakyat. <http://www.bankrakyat.com.my/az-zahab->
- Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). 2016. *Program Mikro Kredit Berasaskan Ar-Rahnu.*
- Salawati Haris. 2008. *Sistem pajak gadai Islam Ar Rahnu: Pilihan atau kewajipan?.* Milenia Muslim.
- Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia. 2014. *Inovasi Dalam Industri Emas dan Ar Rahnu.*
- YaPEIM. T.th. *Mikro Kredit Ar Rahnu Sebagai Wahana Dakwah : Kajian Terhadap Pelaksanaannya Oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).* [https://www.academia.edu/9209210/MIKRO\\_KREDIT\\_AR\\_RA\\_HNU\\_SEBAGAI\\_WAHANA\\_DAKWAH\\_KAJIAN\\_TERHADAP\\_PELAKSANAANNYA\\_OLEH\\_YAYASAN\\_PEMBANGUNAN\\_EKONOMI\\_ISLAM\\_MALAYSIA\\_YaPEIM\\_?auto=download](https://www.academia.edu/9209210/MIKRO_KREDIT_AR_RA_HNU_SEBAGAI_WAHANA_DAKWAH_KAJIAN_TERHADAP_PELAKSANAANNYA_OLEH_YAYASAN_PEMBANGUNAN_EKONOMI_ISLAM_MALAYSIA_YaPEIM_?auto=download)
- Yura Nurulhayati Psn Pg Yusuf & Rujaidah Haris. 2011. *Pengukuhan perkhidmatan program mikrokredit ar-rahnu: Pengalaman institusi, pelaksana dan penerokaan, inovasi pelaksanaan ar-rahnu.* Dlm. Prosiding bengkel Serantau Inovasi ar-Rahnu 2011. Kuala Lumpur: YaPEIM